

Anggap tugas akademik menyeronokkan

KUALA LUMPUR 14 Okt. - Penuntut institusi pengajian tinggi (IPT) seharusnya menganggap setiap tugas akademik sebagai kegiatan yang menyeronokkan dalam mengembangkan minda mereka.

Prof. Emeritus Datuk Dr. Sheikh Omar Abdul Rahman, 66, berkata, setiap cabaran terutamanya penuntut peringkat doktor falsafah (PhD) akan menjadi pengajaran berguna dalam mengharungi kehidupan.

Menurut beliau, penuntut IPT juga tidak boleh mudah berpuas hati dengan pencapaian sederhana sebaliknya berusaha mencapai keceMERLANGAN di tahap tertinggi.

"Mereka perlu memperbetulkan minda. Perasaan segan berada di hadapan hendaklah disingkirkan.

"Sebaik sahaja menjejakkan kaki ke IPT, kita mesti rajin bertanya dan memikirkan persoalan besar serta cuba merungkai jawapannya tanpa terlalu bergantung kepada pensyarah," katanya.

Beliau ditemui pemberita selepas

menerima Anugerah Profesor Emeritus daripada Universiti Putra Malaysia (UPM) pada Majlis Konvokesyen ke-36 UPM di Serdang, dekat sini hari ini.

Sheikh Omar yang pernah berkhidmat selama 38 tahun di UPM memegang jawatan terakhir sebagai Pengarah Bahagian Perancangan Korporat UPM sebelum bersara pada November tahun lalu.

Selain beliau, tiga penerima Anugerah Profesor Emeritus lain ialah **Dr. Amat Juhari Moain, Dr. Abdul Rahman Md. Aroff dan Dr. Rahim Md. Sail**.

Sultan Selangor, Sultan Sharafuddin Idris Shah berkenan menyampaikan anugerah itu kepada kesemua penerima tersebut.

Pada majlis konvokesyen itu, dua pemain bola sepak kebangsaan, Bunyamin Omar dan Mahali Jasuli menerima Ijazah Sarjana Muda Sains Pembangunan Sumber Manusia setelah mengikuti pengajian tersebut di UPM sejak tiga tahun lalu.

Bunyamin, 24, memberitahu, j dual latihan dan perlawanan ketat

bersama skuad Harimau Malaya dan Selangor tidak menjadi halangan kepadanya mengikuti pengajian sehingga mendapat segulung ijazah.

"Memang ada ketikanya jadual perlawanan dan peperiksaan bertembung, namun pensyarah-pensyarah memahami situasi saya dan membenarkan saya mengambil peperiksaan pada tarikh lain," ujarnya.

Sementara itu, Mahali, 23, berkata, atlet-atlet muda sewajarnya berusaha melanjutkan pengajian sehingga ke peringkat tertinggi sebagai jaminan masa depan.

"Kelulusan yang dimiliki boleh digunakan untuk mengintai peluang pekerjaan lain dalam bidang pengurusan sukan atau sektor korporat setelah kita tidak lagi bergelar atlet profesional," katanya.

Mahali yang juga pemain pertahanan Harimau Muda A menambah, kemudahan teknologi komunikasi dan maklumat (ICT) dewasa ini juga memudahkannya berhubung dengan pensyarah dan rakan sekuliah.



PENERIMA Anugerah Profesor Emeritus UPM. (dari kiri) Amat Juhari Moain, Sheikh Omar Abdul Rahman, Rahim Md. Sail dan Abdul Rahman Md. Aroff pada Majlis Konvokesyen UPM ke-36 di Serdang, Selangor, semalam.



**Dua pemain bola sepak
kebangsaan terima ijazah »6**